

01/02/2000

Siaran Radio Cats akan diperluas

Hardi Effendi Yaacob

KRISTAL Harta Sdn Bhd (KHSB) bercadang memperluaskan siaran Radio Cats yang dikendalikan mereka ke seluruh Sarawak dan Sabah secara berperingkat tidak lama lagi.

Ketua Eksekutif KHSB, Affandi Tahir, berkata cadangan itu perlu dilaksanakan kerana mereka mahu menyediakan sumber hiburan dan maklumat kepada penduduk di kedua-dua negeri itu.

"Kami tidak mahu membiarkan mereka hanya bergantung harap pada televisyen untuk mendapatkan hiburan dan maklumat.

"Padahal, mereka boleh menggunakan radio untuk tujuan yang sama," katanya ketika ditemui Persada Seni selepas menghadiri Aidilfitri Bersama Radio Cats di Hotel Legend Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi Kristal Harta, Tan Sri Bujang Mohd Noor; Ahli Lembaga Pengarah Kristal Harta, Ibrahim Murad dan rakan niaga, selain wakil syarikat rakaman serta syarikat pengiklan.

Turut kelihatan beberapa penyanyi solo dan kumpulan muzik termasuk Mas Idayu, Jess (Jeslina Hashim), Shikin (Aishah Dahalan) dan Elda Susanti, yang mana mereka turut mengadakan persembahan masing-masing dalam acara itu.

Affandi tidak menafikan memang ada siaran radio yang dipancarkan ke kedua-dua negeri itu.

Bagaimanapun, jumlahnya amat terhad, yang mana sebahagian besarnya dikendalikan Radio Televisyen Malaysia (RTM) seperti Radio Muzik, Radio 4, Radio 5 dan Radio 6.

"Jika ada siaran radio swasta pun, cuma Era, Hits FM dan Mix FM yang dikendalikan Airtime Management Programme (AMP) Radio Networks.

"Tapi, bukan mudah untuk mendapatkan siaran mereka kerana perlu melanggan Sistem Multimedia Digital (DMS) Astro yang menggunakan teknologi siaran Terus-kepada-Pengguna (DtU) terlebih dulu," katanya.

Affandi berkata, memang siaran radio swasta masih berkurangan di Sarawak dan Sabah.

"Lebih baik kami rebut peluang ini. Kami rasa, tidak sukar untuk melaksanakan cadangan ini sebab Radio Cats berpangkalan di Kuching.

"Malah, kami satu-satunya stesen radio swasta yang ada di sana," katanya.

Sehingga kini, siaran Radio Cats yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 8 Ogos 1996 bertumpu di beberapa bandar besar di sekitar Sarawak seperti Kuching, Sibu, Miri, Limbang dan Bintulu, selain Labuan di Sabah serta Kalimantan, Indonesia.

"Sebelum kegawatan ekonomi dulu, Radio Cats ada 11 stesen pemancar. Tapi, sekarang tinggal lima saja.

"Mungkin enam lagi stesen pemancar yang ditutup sebelum ini boleh digunakan kembali untuk melaksanakan cadangan ini," katanya.

"Dalam perkembangan berkaitan, Affandi berkata, pihaknya juga bercadang untuk meluaskan siaran Radio Cats ke Semenanjung Malaysia.

"Penelitian sedang dilakukan terhadapnya, terutama aspek persaingan, kesesuaian masa dan sejauh mana penerimaan orang ramai terhadap Radio Cats di sini nanti.

"Ia turut mengambil kira soal kos. Kami akui, memang ia membabitkan kos yang tinggi. Tidak kiralah sama ada menggunakan kabel dasar laut atau satelit, kedua-dua cara ini memerlukan belanja yang tinggi," katanya.

Radio Cats yang turut menganggotai Persatuan Operator Radio Komersil

Malaysia (Macro) beroperasi 24 jam sehari, yang mana sebahagian besar masa siaran diperuntukkan untuk saluran Melayu, diikuti Inggeris (7 jam), Cina (5 jam) dan Iban (1 jam).

"Memang kami mengutamakan siaran dalam Bahasa Melayu. Ia polisi Radio Cats.

"Kami juga terpaksa menyediakan saluran Iban kerana ia suku kaum Bumiputera terbesar di sana.

"Walaupun masa siarannya cuma sejam, namun ia mempunyai peminat yang cukup banyak.

"Radio Cats memberikan keutamaan pada siaran muzik. Kami memperuntukkan kira-kira 70 peratus masa siaran untuk menyiarkan muzik.

"Selebihnya, kami guna untuk siarkan berita dan penerangan mengenai segala aspek berkaitan Sarawak," kata Affandi.

Radio Cats mempunyai sembilan juruhebah tetap Haniza Ahmad, Kamarul Bakri, Ham Zani, Iskandar Nawawi, Faisal Avaratar, Faye Murthi, Isaac Wong, Daphne Yang Yang, Ivy Ubeng dan Andrew Bonnie James yang mengendalikan saluran Melayu, Inggeris, Cina serta Iban.

Antara segmen menarik dalam siaran Radio Cats termasuk Berbalas Pantun Dalam Bahasa Sarawak, Remaja Bersama Radio Cats, Carta Cats Minggu Ini, The Most Wanted, Cyber Cats, Top 20, Film Review dan Book Review.

(END)